

# 1,600 delegasi dijangka sertai ICA 2017



Kami yakin penganjuran ini dapat kukuhkan rangkaian koperasi seluruh dunia dan buktikan industri koperasi mampu jadi entiti dan penyumbang penting kepada ekonomi Malaysia dan dunia”

**Abdul Fattah Abdullah,**  
Presiden Angkasa



[ FOTO ZULFADHLI ZULKIFLI/BH ]

**Abdul Fattah (dua dari kanan)** bersama Timbalan Presiden Angkasa, Mutadho Bahar (dari kanan); Naib Presiden Angkasa, Datuk Kamarudin Ismail dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Angkasa, Nasir Khan Yahaya pada taklimat media ICA 2017 di Petaling Jaya, semalam.

**Angkatan** Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menjangka 1,600 delegasi menyertai Persidangan Global dan Mesyuarat Agung Persekutuan Koperasi Antarabangsa (ICA 2017) yang bakal berlangsung pada 13 hingga 17 November ini.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah, berkata penyertaan itu membabitkan 900 delegasi dari 93 negara yang sudah mengesahkan penyertaan, manakala bakinya terdiri daripada wakil tempatan.

“Kami melihat jumlah penyertaan ini amat memberangsangkan kerana berjaya menarik hampir semua ahli ICA yang terdiri daripada 105 negara untuk menyertai acara yang kali pertama dianjurkan oleh Malaysia,” katanya pada taklimat media ICA 2017 di Petaling Jaya, semalam.

Angkasa menjadi pengajur kepada ICA 2017 yang juga perhimpunan koperasi terbesar dunia selepas memenangi bidaan menjadi tuan rumah pada 2015, mengatasi tiga badan koperasi dari

empat negara iaitu Australia, New Zealand dan Iran.

**Perkuuh rangkaian koperasi**  
Abdull Fattah berkata, acara dwitahunan itu membabitkan tiga komponen iaitu mesyuarat agung bagi melantik barisan kepemimpinan baharu ICA, persidangan global untuk membincangkan hala tuju dan isu berkaitan koperasi seluruh dunia serta mesyuarat jawatankuasa sektorai.

“Kami yakin penganjuran acara ini akan dapat mengukuhkan lagi

rangkaian koperasi seluruh dunia dan membuktikan industri koperasi mampu menjadi entiti dan penyumbang penting kepada ekonomi Malaysia dan dunia,” katanya.

ICA 2017 bakal berlangsung di Sunway Resort Hotel & Spa di Bandar Sunway.

Antara individu terkemuka yang menyertainya termasuk pakar ekonomi dari Forum Ekonomi Dunia (WEF) iaitu Dr Linda Yueh.

Sempena ICA 2017, Angkasa juga bakal menganjurkan Karnival Produk dan Perkhidmatan Koperasi

si Malaysia 2017 (MACCOPS 2017) yang berlangsung pada 15 hingga 19 November di Pusat Konvensyen Sunway Pyramid, Petaling Jaya.

MACCOPS dianjurkan bagi memartabatkan produk dan perkhidmatan koperasi di peringkat nasional dan antarabangsa.

“Acara itu akan menawarkan 150 ruang pempamer. 130 daripadanya akan diisi koperasi tempatan, manakala bakinya disertai lima koperasi dan enam syarikat antarabangsa dari tujuh negara,” katanya.